

**Istana Negara Lama Tetap Jadi Tarikan Pelancong
Bernama
2 Januari , 2012**

KUALA LUMPUR, 2 Jan (Bernama) -- Bangunan Istana Negara lama yang terletak di lereng bukit Jalan Istana di sini, masih menjadi tarikan pengunjung dari dalam dan luar negara walaupun ia telah mengakhiri fungsinya sebagai tempat bersemayam Yang di-Pertuan Agong pada 15 Nov tahun lepas.

Tinjauan Bernama mendapati orang ramai masih bertumpu di hadapan pintu masuk utama istana tersebut untuk merakam gambar dan video di lokasi yang masih dianggap sebagai antara tempat yang wajib dilawati di ibu negara.

Kebanyakan mereka berpendapat istana itu yang terletak di kawasan seluas 11.34 hektar, mempunyai nilai sejarah tersendiri dalam memainkan peranannya untuk mengekalkan institusi beraja di negara ini.

Pengunjung tempatan Noreedah Isa, 41, berkata istana yang pernah menjadi simbol kedaulatan raja-raja itu harus dikunjungi setiap rakyat Malaysia.

"Berada di pintu masuk utama sudah cukup bagi saya kerana saya berasa seperti dekat dengan pemimpin utama negara kita.

Rajiro Guth, 45, rakyat India yang pertama kali berkunjung ke Malaysia, berkata beliau tidak menyangka wujud binaan istana yang disifatkannya sebagai "unik" di tengah-tengah Kuala Lumpur.

"Saya tertarik dengan struktur istana ini. Klasik dan tradisional, dan saya terkejut apabila diberitahu bahawa istana ini tidak lagi digunakan," kata pelawat itu.

Seorang lagi pengunjung, Norizan Talib, 36, berkata beliau berasa sayu semasa menyaksikan istiadat penutupan Istana Negara lama di televisyen kerana bangunan itu menyimpan banyak kenangan tersendiri kepada rakyat Malaysia.

Menurut pemandu pelancong, Fuad Samsuddin, 50, walaupun dimaklumkan bahawa Istana Negara telah berpindah ke lokasi baharu, pelancong luar negara masih ingin melawat istana lama itu berdasarkan pengalaman dan maklumat yang diperolehi daripada rakan yang pernah berkunjung ke Malaysia.

Sementara itu Istana Negara lama ini yang asalnya sebuah banglo dua tingkat dibina oleh jutawan tempatan, Chan Wing pada 1928 dan kemudian ditukar milik kepada kerajaan Selangor untuk diubah suai menjadi Istana Negeri.

Pada 1957, kerajaan Persekutuan membeli istana ini daripada kerajaan Selangor dengan harga RM1.4 juta untuk dijadikan tempat bersemayam Yang di-Pertuan Agong.

Istana Negara baharu pula yang dibina dengan ciri-ciri binaan Islam dan tradisional Melayu terletak di kawasan seluas 96.52 hektar di Jalan Duta di sini.

Ia kini menjadi tempat bersemayam Yang di-Pertuan Agong ke-14 Tuanku Abdul Halim

Mu'adzam Shah.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=637581>